NASKAH

INTEGRITI LADA

Siri 1/2021

Terbitan Unit Integriti LADA

Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi Kedah Darul Aman

04-9600 770/771/784/786

integriti@lada.gov.my

Sarikata

Integriti adalah satu rumusan bagi keselarasan di antara tindakan dan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Dalam konteks perkhidmatan awam, integriti diterjemah sebagai keutuhan yang menyentuh soal nilai, etika penjawat awam dan seharusnya menjadi agenda penting pembaharuan pentadbiran dan secara dasarnya ianya sukar dicapai tapi tidak mustahil.

Penerapan budaya dan nilai-nilai murni secara berterusan dan bersederhana dalam segala hal akan meyumbang kepada sifat integriti yang kita mahukan dan pemantapan integriti ini memerlukan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan yang berkesan. Sinergi bersama secara kolektif ini menjadikan pemantapan integriti yang sangat penting dan perlu dilakukan dengan sistematik, komitmen yang tinggi dan penuh keikhlasan supaya melahirkan penjawat awam yang mempunyai integriti kelas pertama.

Nasaruddin Bin Abdul Muttalib
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Pasukan Sekretariat

Penasihat
Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid
Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif (Pengurusan)

Ketua Editor
Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani
Ketua Unit Integriti

Pasukan Editor
Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman, Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi,
Kamariah Binti Musa, Rozita Binti Aziz

Lembaran Integriti

Mengapa Integriti Itu Penting Dalam Pekerjaan?

Sejak akhir-akhir ini banyak yang telah diperkatakan mengenai isu yang melibatkan integriti khususnya dalam kalangan penjawat awam. Isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, penyelewengan walaupun dilakukan oleh segelintir individu penjawat awam namun tempiasnya sudah pasti terkena kepada keseluruhan penjawat awam yang berada di negara ini ibarat "kerana nila setitik, rosak susu sebelanga".

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Integriti?

Integriti secara umumnya membawa maksud kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan sesebuah organisasi. Isu integriti berkait rapat dengan isu etika dan nilai-nilai murni pekerja dalam diri seseorang dan sesebuah organisasi.

Namun, kita sedar betapa pentingnya integriti di dalam pekerjaan supaya kepercayaan masyarakat umum terhadap sesesuah organisasi seperti sektor penjawat awam tidak terjejas sehingga boleh menganggu kestabilan dan keharmonian negara. Segala dasar dan polisi berkaitan yang dilaksanakan seharusnya diamalkan oleh semua pejawat awam dengan sepenuh hati supaya mereka dapat melakukan sebarang tugas yang diberikan dengan baik dan cekap.

Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi misalnya, keruntuhan integriti ini akan menyebabkan berlaku pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Tidak kira, sama ada dalam organisasi awam mahupun swasta, pemegang jawatan ataupun pekerja yang tidak memiliki integriti diri yang tinggi akan sentiasa mencari peluang melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi, tanpa memikirkan implikasi terhadap imej organisasi dan negara. Tidak mustahil, ketiadaan integriti bakal meruntuhkan institusi dan mengancam keselamatan negara.

Mendidik Generasi Berintegriti

Datuk Wira Dr Ismail Ibrahim
Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia
(22 Mac 2021)

Renung dan kajilah satu ayat al-Quran yang ringkas dan pendek dalam surah Al-Rum ayat 30 yang menjelaskan bahawa agama Islam dan umat Islam adalah bertunjangkan fitrah yang bersih dan suci.

Oleh itu, manusia yang tidak menghayati kehidupan fitrah, besar kemungkinan akan melakukan perbuatan yang tidak suci lagi iaitu dengan bertindak mengikut nafsu dalam kepelbagaian aspek kehidupannya iaitu yang menentang akidah, syariah dan akhlak yang telah dibawa oleh agama Islam.

Nabi Yusuf AS ketika mengingati kembali segala peristiwa kehidupannya yang panjang dan kompleks, setelah berjaya kembali ke penghidupan berhikmah dan luhur dengan pertemuan semula dengan ibu bapa dan saudara-saudaranya, telah menyifatkan ALLAH SWT sebagai Fatir, yang ditafsirkan sebagai Pelindung dan Pencipta, dengan munajatnya kepada Penciptanya dalam surat Yusuf ayat 101:

> "Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah meanugerahkan kepadaku sebahagian kekuasaan, dan telah mengajarkan kepadaku sebahagian rahsia (Ta'bir) mimpi. (Wahai Tuhan) Pencipta langit dan bumi, Engkaulah pelindungku di dunia dan di akhirat, matikanlah aku dalam keadaan Muslim, dan hubungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh."

Sesungguhnya amat murni dan bersih sekali pengucapan Nabi Yusuf yang penuh hikmah dan syahdu ini ketika mengembalikan semula lipatan peristiwa kehidupannya yang akhirnya kembali ke kehidupan fitrah.

Sebenarnya inilah perutusan Islam ketika umatnya mengamalkan ibadat kepada ALLAH SWT, iaitu sebagai hikmat dan rahsia yang berada di sebalik ibadat rasmi itu, yang merupakan satu pendidikan holistik untuk jiwa raga, hati nurani dan merupakan satu latihan yang amat berkesan untuk diterjemahkan dalam kehidupan dunia.

Amat jelas sekali bahawa ajaran fitrah jasmani dan rohani ini, hendaklah dimulai ketika kanak-kanak masih lembut ubun-ubunnya lagi.

Istilah zuriat yang bermaksud keturunan atau generasi itu ialah jangka waktu manusia dari awal kelahirannya hingga ke akhir saat kehidupannya.

Kehidupan sepanjang hayatnya inilah yang dimaksudkan dalam ajaran agama dengan pengisian unsur pendidikan yang holistik dan menyeluruh itu sesuai dengan semua peringkat kehidupan mereka.

Islam mengajar kita supaya tidak berputus asa dalam hidup dan sekali gus juga mendidik kita supaya mempunyai keyakinan diri iaitu dalam konteks ini bahawa sekiranya kita menghadapi krisis kemanusiaan dan pembentukan generasi, maka kita tidak seharusnya lalai atau hanya berpeluk tubuh, tetapi kita haruslah berusaha memperbaiki segala yang lemah dan keciciran, malah membetulkan segala kesilapan itu, untuk mewujudkan semula generasi baharu yang lebih baik lagi.

Namun umat Islam, mungkin dalam konteks negara dan bangsa Melayu sendiri, boleh mulai memulihkan keadaan ini dengan kembali semula berbicara tentang pendidikan di rumah, atau keibubapaan, yang pada satu ketika dulu telah kita bicarakan dengan penuh tenaga dan fikiran.

Malah nampaknya kini, mulai luntur dan luput dari dunia pembicaraan kita, kerana tekanan hidup yang memerlukan ibu bapa bekerja, memisahkan diri daripada ilmu keibubapaan, malah meminggirkan diri daripada keilmuwan dan pembicaraan saintifik dan pedagogi yang lebih berbentuk profesional tentang fungsi keluarga dalam pendidikan anak-anak.

Amatlah diharapkan bahawa dalam zaman yang serba mencabar ini, pihak pemerintah dan masyarakat umumnya haruslah segera membangunkan integriti keturunan baharu dengan pendidikan seumur hidup rohani dan jasmaninya, agama dan sains, serta bidang profesional lain yang seimbang.

Artikel Penuh :
https://www.sinarharian.com.my/article/129601/Mendidik-generasi-berintegriti
© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

Sepintas Lalu

Apa itu Rasuah?

Rasuah merupakan penerimaan atau pemberian sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Antara bentuk-bentuk suapan adalah:

Hadiah	Bonus	Jawatan	Diskaun
Perkhidmatan	Upah	Wang	Undi

Jenis kesalahan rasuah :

- Meminta/Menerima Rasuah.
- Menawar/Memberi Suapan.
- Mengemukakan Tuntutan Palsu.
- Menggunakan Jawatan/Kedudukan Untuk Suapan Pegawai Awam.

Kenali Simptom Rasuah

Lembaran Integriti



“Leadership is not just some empty formulas but establishing deep connection at soul levels through service, integrity, passion, perseverance and equanimity.”

– Amit Ray –

Infografik Integrity Today

BILANGAN 1 TAHUN 2020

INTEGRITY TODAY

LADA

LAPORKAN KESALAHAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Setiap warga kerja LADA tidak boleh melakukan gangguan seksual atau mengaibkan kehormatan penjawat awam lain atau terhadap orang lain

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 4A, PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATERTIB) 1993 (P.U.A.395)

PELAKUAN BERSIFAT SEKSUAL

Cubaan untuk merapati orang lain

Meminta layanan seksual

Menghantar gambar/video mengandungi unsur lucah melalui sebarang aplikasi kepada orang lain

Pernyataan yang dibuat secara lisan, bertulis dan/atau

Apa – apa yang menyebabkan seseorang itu tersinggung, terhina atau terugut

"BIASAKAN YANG BETUL , BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770 / 771/ 786 / 784
Emel : integriti@lada.gov.my

INTEGRITY TODAY

WASPADA MEMBOCORKAN MAKLUMAT JABATAN

ADALAH

SATU KESALAHAN

(Seksyen 30 Akta 423 - Obligasi Menyimpan Rahsia) DAN
(Peraturan 3(2)(f) Akta Badan - Badan Berkanun(Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)



TINDAKAN TATATERTIB
BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA HUKUMAN
BUANG KERJA

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770 / 771 / 786 / 784
Emel : integriti@lada.gov.my

INTEGRITY TODAY

PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PENJAWAT AWAM

Kegagalan Mematuhi Waktu Bekerja Bertentangan Dengan Perintah Am 5, Perintah Am Bab G Waktu Bekerja Dan Lebih Masa 1974 Dan Peraturan 24, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

PENGURUS BAHAGIAN/KETUA UNIT

Perlu memantau pergerakan pegawai dengan MEMASTIKAN pegawai di bawah seliaan mendapat KEBENARAN sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja

PATUHI

Waktu Bekerja Fleksi
8.00 pagi – 5.00 petang
8.30 pagi – 5.30 petang
9.00 pagi – 6.00 petang

Waktu Rehat
1.00 petang – 2.00 petang

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770 / 771 / 786 / 784
Emel : integriti@lada.gov.my

Infografik Integrity Today

BILANGAN 2 TAHUN 2020

INTEGRITY
TODAY
LADA
LAPORKAN
KESALAHAN MEMALSUKAN
SIJIL CUTI SAKIT
Setiap warga kerja LADA adalah dilarang sama sekali memalsukan sebarang sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik kesihatan/hospital kerajaan/klinik panel LADA
PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"
Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784
MC

INTEGRITY TODAY

AWAS

MENGEMUKAKAN DOKUMEN ATAU TUNTUTAN PALSU

ADALAH

SATU KESALAHAN

Di bawah Peraturan 3, Bahagian II,
Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun,
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000
[Akta 605]

TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA

HUKUMAN

BUANG KERJA

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

INTEGRITY TODAY
LADA
WASPADA
MENIRU TANDATANGAN PEGAWAI ATASAN
ADALAH
SATU KESALAHAN
Di bawah Peraturan 3, Bahagian II,
Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun,
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000
[Akta 605]
TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA
HUKUMAN
BUANG KERJA
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"
Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

INTEGRITY TODAY

WASPADA

SALAH LAKU PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU

SATU KESALAHAN

Setiap warga kerja perlu mengetik Kad Perakam Waktu (KPW) masuk dan keluar pejabat selaras dengan waktu bekerja yang telah ditetapkan. Warga kerja juga adalah dilarang sama sekali untuk mengetik KPW orang lain

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

LADA

Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

Infografik Integrity Today

BILANGAN 3 TAHUN 2020

INTEGRITY TODAY

MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

Pekerjaan luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan KEBENARAN KETUA JABATAN dengan syarat :

1. Tidak boleh dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa dikehendaki menjalankan tugas rasmi
2. Tidak dibenarkan menggunakan harta benda LADA untuk tujuan tersebut
3. Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai penjawat awam
4. Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan Badan Berkanun

PEGAWAI PENYELIA

adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pengawasan tatatertib ke atas pegawai di bawah seliaannya dan sekiranya gagal,

Pegawai Penyelia boleh dikenakan tindakan tatatertib

kerana TELAH CUAI dalam melaksanakan tugasnya di bawah Peraturan 21, Bahagian II [Akta 605]

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

PEGAWAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA DIJATUHKAN

HUKUMAN BUANG KERJA

AWAS

MENERIMA WANG RASUAH

Mana – mana warga kerja LADA yang didapati

MENERIMA WANG RASUAH

adalah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 3, Bahagian II, Peraturan – Peraturan Tatatertib Badan – Badan Berkanun, Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Infografik Integrity Today

BILANGAN 4 TAHUN 2020

INTEGRITY TODAY

BIJAKLAH MENGURUSKAN HUTANG-HUTANG ANDA

SUPAYA ANDA TIDAK TERGOLONG DALAM

KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Pegawai Yang Tidak Melaporkan Atau Lengah Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serius Atau Yang Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serius Tetapi Tidak Mendedahkan Takat Keterhutangannya Itu Dengan Sepenuhnya Atau Memberikan Keterangan Yang Palsu Atau Yang Mengelirukan Mengenai Keterhutangannya Adalah Suatu Pelanggaran Tatatertib. Pegawai Boleh Dikenakan Tindakan Tatatertib Di Bawah Peraturan 3(2)(d) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

JOM KITA URUS MEDIA SOSIAL DENGAN BIJAK!!!

BERHATI – HATI

APABILA ANDA MEMUAT NAIK, MELUAH RASA ATAU MENYATAKAN SESUATU PENDAPAT TERUTAMA BERKAITAN LADA ATAU DASAR KERAJAAN DI MEDIA SOSIAL

HATI – HATI YE!!!!

TAHUKAH ANDA MEMBUAT

PERNYATAAN AWAM

BOLEH MENYEBABKAN ANDA DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB?

MEMBUAT PERNYATAAN AWAM ADALAH BERCANGGAH PEGAWAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 18 (1)(2), AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SUCAJ) 2000 (AKTA 605)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

FREEDOM OR DEBT

"MONEY GIVES YOU THE FEEDOM TO DO WITH YOUR TIME WHAT YOU WANT TO DO WITH IT"

PENGURUSAN KEWANGAN YANG BIJAK DENGAN TIGA (3) TEKNIK BERKESAN IAITU

RANCANG – SUSUN - SELESAIKAN

"RANCANGLAH PENGURUSAN KEWANGAN DAN UBAHLAH KEHIDUPAN ANDA"

Pegawai Tidak Boleh Meminjam Wang Daripada Mana-Mana Pihak Atau Menjadi Penjamin Kepada Mana-Mana Pihak Atau Dengan Apa-Apa Cara Meletakkan Dirinya Di Bawah Suatu Obligasi Kewangan Kepada Mana-Mana Pihak Selaras Dengan Peraturan 11, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

LARANGAN PENGLIBATAN DIRI DALAM POLITIK

PEGAWAI DALAM **KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI** ATAU **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

TIDAK BOLEH SAMA SEKALI

MENGAMBIL BAHAGIAN AKTIF DALAM SEBARANG AKTIVITI POLITIK ATAU MEMAKAI APA-APA LAMBANG SUATU PARTI POLITIK

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB KERANA BERCANGGAH DENGAN PERATURAN 20, BAHAGIAN II : TATAKELAKUAN, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Nota